

BERITA HARIAN, RABU, 20 JANUARI, 1982

BERJASA TEMU PM SOAL KERUSI

KOTA BHARU, Selasa — Presiden Berjasa, Datuk Haji Mohammad Nasir akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad bulan depan untuk berbincang mengenai tambahan kerusi kepada parti itu dalam pilihanraya akan datang.

Setiausaha Agungnya, Encik Ismail Haji Ali memberitahu hari ini, Datuk Seri Dr. Mahathir telahpun bersetuju Berjasa mengekalkan 11 kerusi yang diwakilinya di Dewan Undangan Negeri Kelantan.

"Tetapi kami masih belum mendapat berita mengenai jumlah kerusi yang akan diperuntuk-

kan kepada Berjasa di negeri-negeri lain dalam pilihanraya akan datang," jelasnya.

Encik Ismail berkata, keputusan meminta kerusi tambahan di peringkat negeri dan Parlimen diterima semasa kursus politik Berjasa minggu lalu.

Penyusunan

Satu lagi rumusan, menggesa kerajaan melantik lebih ramai wakil Berjasa dalam badan-badan kerajaan.

"Pada masa ini Berjasa hanya mempunyai wakil dalam badan-badan kerajaan di Kelantan," katanya.

Menurutnya, dua lagi

rumusan, mencadangkan penyusunan semula semua semula organisasi Berjasa dan meminta Jawatankuasa Penyelaras Barisan Nasional mengadakan mesyuarat secepat mungkin kerana pilihanraya telah hampir.

Menurutnya, cadangan itu akan akan disampaikan kepada Setiausaha Agung Barisan Nasional, Encik Gafar Baba.

Katanya, Berjasa berharap pembahagian kerusi dalam pilihanraya nanti sama ada di peringkat negeri atau Parlimen di antara parti-parti komponen Barisan Nasional di buat secara adil.